




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**8 Disember 2020
22 Rabiulakhir 1442H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|------------------------------|--|
| Utusan Malaysia | <ul style="list-style-type: none">Bela ikan kelah dalam gua batu kapur |
| Berita Harian | <ul style="list-style-type: none">• |
| Harian Metro | <ul style="list-style-type: none">• |
| Kosmo ! | <ul style="list-style-type: none">Tiga sahabat dicekup curi ikan laga bernilai RM500 |
| Sinar Harian | <ul style="list-style-type: none">• |
| The Star | <ul style="list-style-type: none">• |
| New Straits Time | <ul style="list-style-type: none">• |
| Nanyang Siang Pau | <ul style="list-style-type: none">• |
| Malaysia Gazette | <ul style="list-style-type: none">• |
| Harakah | <ul style="list-style-type: none">• |
| Malaysia Dateline | <ul style="list-style-type: none">• |
| Bernama | <ul style="list-style-type: none">• |
| See Hua Daily News (Kuching) | <ul style="list-style-type: none">• |
| Guan Ming Daily | <ul style="list-style-type: none">• |
| Sin Chew Daily | <ul style="list-style-type: none">• |

| JENIS AKHBAR | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|---------|-------------------|----------------|-------------------|---------|------------|--------------|
| UTUSAN MALAYSIA | ✓ | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | 24 8/12/2020 |

24

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 8 DISEMBER 2020**Gaya • AGRO**

▲ KOS mengindahkan Gua Kambing di Gua Musang ini menelan belanja hampir RM100,000.



Oleh AMINI TUAN LAH
gay@utusan.com.my

SLAPA sangka sebuah kawasan gua batu kapur terbiar di Kampung Lepan Jaya, Gua Musang, Kelantan menjadi tempat pemternakan ikan kelah. Hasil kegigihan Mohd. Saiful Basri Mat Yaacob, 44, memternak ikan kelah yang terkenal dengan iotukan Roja Sungai itu berjaya menjana pendapatan lumayan dan menarik kunjungan orang ramai. Usaha pemternakan ikan

kelah menurut pengusaha memberi komitmen tinggi dan penjagaan rapi kerana nilai komersialnya yang tinggi apabila harganya boleh mencapai ribuan ringgit seekor.

Mohd. Saiful Basri mulas menternak ikan di gua batu kapur yang diberi nama Gua Kambing sejak 10 tahun lalu.

Menurutnya, ternakan ikan kelah di dalam gua batu kapur mempunyai pengairan air yang baik dan jernih serta jarang dilakukan penteroka lain.

Katanya, langkahnya memulakan penterokan seperti itu pada mulanya untuk memenuhi pasaran bagi spesies kelah yang semakin meningkat permintaannya.

“Sebelum menternak ikan dalam gua itu, saya melakukan kajian mengenai kesesuaian pengaliran air bersih dalam gua itu.

“Pada peringkat permulaan,

Bela ikan kelah dalam gua batu

“

Pada peringkat permulaan, saya hanya melepaskan kira-kira 2,000 ikan kelah dan kini semakin membaliak sehingga mencecah berat lima bingka sembilan kilogram seekor.”

MOHD. SAIFUL BASRI MAT YAACOB

| JENIS AKHBAR | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|---------|-------------------|----------------|-------------------|---------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | ✓ | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | THE SUN | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | 25 | 8/12/2020 |

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 8 DISEMBANAH 2020

25

AGRO • Gaya



kapur

saya hanya melepaskan kira-kira 2,000 ikan kelah dan kini semakin membiak sehingga mencecah berat lima hingga sembilan kilogram seekor,” katanya.

Cerita Mohd. Saiful Basti, proses mengindahkannya kawasan Gua Kambing itu melibatkan kos hampir RM100,000.

Katanya, ketika ini terdapat 5,000 ekor ikan kelah di dalam dan kaki gua yang berada dalam kawasan tanah miliknya seluas 0.8 hektar.

“Sebenarnya usaha membina tempat pembiakan ikan kelah itu adalah sesuatu perkara yang mencabar.

“Sebelum memulakan ternakan ikan kelah di dalam gua itu, saya bersama rakan mengambil masa lima bulan membersihkan batu di dalam dan di sekitar gua berkenaan untuk memastikan ia bersih.

“Selain itu ia juga bagi

SEORANG pengunjung tidak melepaskan peluang mengambil gambar ikan kelah di kolam peliharaan Saiful Basti. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

mengelak ikan itu mudah mati jika pergerakannya tidak bebas apabila menyusur di celahan batu atau air berlumpur,” katanya.

ORANG ASLI BEKAL ANAK IKAN

Mohd. Saiful Basti berkata, bagi menambahkan bilangan ikan kelah, dia turut membeli anak ikan daripada masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman daerah Gua Musang.

Katanya, dia turut memtemui 4,000 ikan jenis lain termasuk tilapia dan patin kerana mendapat permintaan



Mohd. Saiful Basti Mat Yaacob memberi makan ikan kelah yang dipeliharanya di dalam Gua Kambing.

TIPS PENJAGAAN IKAN KELAH

- » Wujudkan persekitaran semula jadi kelah. Ikan kelah suka persekitaran kolam seperti habitat asalnya.
- » Ikan kelah gemar persekitaran berbatu dengan aliran air yang laju seperti air terjun atau jeram.
- » Ikan kelah suka makan rumput, buah-buahan kecil dan tumbuhan dalam air.
- » Air dalam kolam harus sentiasa bersih dan jernih.
- » Pallet adalah makanan terbaik dan ikan kelah juga boleh diberi makanan sampingan lain seperti buah sawit.

tinggi daripada pembeli tempatan serta luar daerah ini. “Saya gembira apabila ikan kelah yang diternak sejak lapan tahun lalu telah mencapai berat antara lima hingga sembilan kilogram seekor.”

“Walaupun ada permintaan harga yang tinggi terhadap ikan kelah tetapi saya tidak sanggup menjual semuanya kerana ingin menjadikannya sebagai tarikan pengunjung ke kawasan ini,” katanya.

Tambahnya, ikan kelah adalah spesies ikan sungai yang kini menjadi buruan peminat bukan sahaja untuk menikmati keenakan isinya tetapi untuk dipelihara dalam akuarium di rumah.

Katanya, ramai berminat untuk melihat ikan kelah bersaiz besar kerana mereka sukar menemuiinya sejak kebelakangan ini termasuklah di kawasan sungai.



KREATIF... Usaha yang dilakukan sejak 10 tahun lalu makin menjadi apabila ikan kelah peliharaan Saiful Basti di Kampung Lepan Jaya, Gua Musang semakin memblak.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------------|-------------------|---------|----------------|---------|-------------------|---------|------------|--------------|
| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO ! | ✓ | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | 18 8/12/2020 |

Tiga sahabat dicekup curi ikan laga bernilai RM500

KOSMO M/S 18

8/12/2020

SEBERANG PERAI – Tindakan tiga sahabat yang mencuri sejumlah ikan laga bernilai RM500 dari sebuah rumah di Kampung Aman, Kepala Batas di sini Rabu lalu membawa padah apabila mereka ditahan sepasukan anggota polis kelmarin.

Kesemua suspek berusia 19 hingga 36 tahun itu ditahan di beberapa lokasi di sekitar Kepala Batas di sini.

Difahamkan, suspek merupakan individu sama yang diperlakukan terlibat dalam kes curi sebatang pokok bonsai sebelum menjualnya di Facebook minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, kejadian curi ikan laga itu hanya disedari pemiliknya iaitu remaja berusia 17 tahun selepas dia mendapati ikan yang diletakkan di hadapan rumah telah hilang.

"Ibu saudara mangsa kemudian memaklumkan ada ternam-pak tiga lelaki masuk ke dalam kawasan rumah mangsa kira-kira pukul 6 pagi.

"Dia kemudiannya memeriksa rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) dan mendapati tiga lelaki bertopi keledar itu berada di ba-



SUSPEK menunjukkan lokasi mereka mencuri ikan laga di sebuah rumah di Kampung Aman, Kepala Batas kelmarin.

hagian penyimpanan ikan laga," katanya di sini semalam.

Noorzainy berkata, suspek dilihat mengambil beberapa ekor ikan yang tidak dipastikan jumlahnya menggunakan sauk.

"Sebaik ditegur, kesemua sus-

pek bertemu piaran lari bersama-sama ikan yang dicuri menyebabkan mangsa kerugian kira-kira RM500," jelasnya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan.